



JABATAN PERTANIAN
(Department Of Agriculture)
BAHAGIAN BIOSEKURITI TUMBUHAN
(Plant Biosecurity Division)
TINGKAT 1 – 3, WISMA TANI,
JALAN SULTAN SALAHUDDIN,
50632 KUALA LUMPUR

TEL : 603 – 2030 1400
FAKS : 603 – 2691 3550/3530
Laman Web : www.doa.gov.my

Ruj. Kami : JP.BBT.207/6/703/2/4 15(4)

Tarikh : 20 Ogos 2019
29 Zulhijjah 1449(H)

KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan,

**MAKLUMAN PROSEDUR PEMULANGAN BAKI PEMBAYARAN
DEPOSIT IMPORT PERMIT TUMBUHAN PRODUK TUMBUHAN DAN
ARTIKEL TERKAWAL OLEH JABATAN PERTANIAN (JPK)**

Dengan hormatnya merujuk kepada perkara yang tersebut di atas dan surat kami JP.BBT.207/6/703/2/4(1) bertarikh 13 November 2018 adalah berkaitan.

2. Sepertimana YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan sedia maklum semua dokumen permohonan tuntutan tersebut hendaklah lengkap disertakan seperti surat rasmi dari pendeposit bukan *forwarding agent*, salinan SSM Syarikat dan No. Akaun Bank Syarikat. Untuk pengetahuan YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan, pihak kami telah menerima permohonan dari bulan november 2018 sehingga sekarang dan kerja-kerja memproses tuntutan mengambil masa dan kami berusaha melaksanakan secara berperingkat dalam kadar segera.

3. Walau bagaimanapun, pihak kami telah menerima arahan Tatacara Pengurusan Akaun Deposit melalui Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia pada awal **bulan Ogos 2019** iaitu di mana Tuntutan Pemulangan Baki Pembayaran Deposit Import Permit Tumbuhan perlu disokong dengan **Resit Rasmi Asal pada setiap transaksi yang dilakukan. Sekiranya Resit Rasmi Asal hilang, Surat Akaun Sumpah perlu disertakan.**

4. Di harap jasa baik YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan dapat melengkapkan permohonan Tuntutan Pemulangan Baki Pembayaran Deposit Import Permit Tumbuhan seperti perkara di atas agar pemprosesan tuntutan berjalan lancar. Untuk makluman YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan, sebarang pertanyaan dan maklumbalas boleh berhubung terus dengan Cik Nur Aidura Bt Ikmal Hisham di talian 03-20301423 dan Puan Mariati Bt Omar di talian 03-20301446. Manakala berkenaan dengan e-Vendor boleh berhubung terus dengan Puan Hasmahani Bt Hasim di talian 03-20301443. Di atas kerjasama YBhg. Dato/Datin/Tuan/Puan dalam perkara ini diucapkan ribuan terima kasih.

Sekian.

“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,

(DATIN JATIL ALIAH BINTI TIMIN)

Timbalan Pengarah
Bahagian Biosekuriti Tumbuhan
b.p. Ketua Pengarah Pertanian Malaysia

